



**PEJABAT KETUA PENGARAH
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN
MAKANAN (KPKM)**
*Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security*
**ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA**

No. Tel : 03 – 8870 4426
Emel : ukk@dof.gov.my
Laman Web : <https://www.dof.gov.my>

TUKUN TIRUAN KONSERVASI DI PERAIRAN TOK BALI BAKAL MENINGKATKAN SUMBER PERIKANAN NEGARA DAN EKONOMI SETEMPAT

KELANTAN, 9 JULAI – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah memperuntukkan sebanyak RM660,000 bagi melabuhkan 18 unit tukun tiruan konservasi di Perairan Tok Bali, Pasir Putih dan Kuala Besar, Kota Bharu. Peruntukan yang besar ini adalah bertujuan membina habitat ikan dan hidupan marin lain serta memperkaya sumber perikanan di perairan Kelantan. Hasil daripada melabuh tukun ini dijangka akan memberi manfaat kepada kira-kira 4,191 orang nelayan di negeri Kelantan.

Ketua Pengarah Perikanan, YBhg. Dato' Adnan bin Hussain berkata jabatan akan sentiasa menjalankan kajian dan melakukan pemantauan selepas aktiviti melabuh tukun. Ini bertujuan mengenalpasti perubahan dan perkembangan yang berlaku di kawasan melabuh tukun. Aktiviti melabuh tukun juga dijangka dapat meningkatkan sumber perikanan agar sentiasa mampan dan menjamin sekuriti makanan negara.

Menurut beliau juga, sebanyak RM3.6 juta telah dibelanjakan bagi membina, melabuh dan memantau keberkesanan tukun tiruan bagi tahun 2007-2023 di Negeri Kelantan. Sebanyak 230 unit tukun telah dilabuhkan di 7 lokasi iaitu Kuala Tumpat, Kuala Besar, Sabak, Kemasin, Pantai Irama, Semerak dan Tok Bali. Antara turun tiruan dilabuhkan adalah tukun dasar lembut penghalang pukut tunda (TDL PT), tukun dasar lembut (TDL) dan tukun rekreasi (TR).

Merujuk kepada rekod Jabatan Perikanan pada tahun 2022, sebanyak 55 ribu tan metrik pendaratan ikan dicatatkan dengan nilai borong iaitu RM548 juta. Bagi tahun 2023 (sehingga Mei), Negeri Kelantan mencatatkan pendaratan ikan sebanyak 23 ribu tan metrik dengan nilai borong RM244 juta.

Daerah Pasir Puteh menyumbang kepada 55% dari keseluruhan pendaratan ikan di Negeri Kelantan dengan nilai borong sebanyak RM101 juta. 4 spesies ikan yang mencatatkan pendaratan tertinggi bagi tahun 2023 (sehingga Mei) adalah Kayu/Tongkol/Aya Hitam sebanyak 5,267 tan metrik, Kembong sebanyak 2,231 tan metrik, Selayang/Cerut sebanyak 1,851 tan metrik dan Kerisi sebanyak 1,623 tan metrik.

Kenyataan media ini disiarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my